

## **Tahap Kesesuaian Matlamat dan Hasil Pembelajaran Kursus Praktikum (Latihan Mengajar) Kendalian Fakulti Pendidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Menurut Persepsi Guru-Guru Pelatih: Satu Tinjauan Awal**

**Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Suhana Mohamed Lip, Zetty Nurzuliana Rashed, Rekkeman Kusut, Suziana Hanini Sulaiman, Siti Nga'ishah Mohni**  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
*sapie@kuis.edu.my*

### **ABSTRAK**

Pemilihan dan pembinaan matlamat dan hasil pembelajaran kursus Praktikum (latihan mengajar) yang jelas amat penting dalam mewujudkan satu kurikulum yang berkesan dan bersepada meliputi penilaian aspek kognitif, afektif dan psikomotor secara tersusun dan mampu dicapai oleh guru dan pelajar. Kurikulum merangkumi pengalaman kehidupan nyata dan tidak nyata yang dipilih, diorganisasi dan disusun oleh sarjana pendidikan dan pakar kurikulum secara teliti dan profesional, demi menjadikan pelbagai jenis aktiviti pembelajaran nyata dan tidak nyata seperti yang dijalankan dalam dan luar bilik darjah untuk semua peringkat persekolahan. Namun begitu, kegagalan guru dalam memahami dan menterjemah matlamat dan hasil pembelajaran kursus tersebut menyumbang sebahagiannya kegagalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru pelatih tidak mengambil peluang dan kesempatan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan kemahiran melalui pengalamannya dalam sesi praktikum. Sehubungan itu, kajian tinjauan dilaksanakan untuk mengenalpasti tahap kesesuaian matlamat dan hasil pembelajaran kursus praktikum (latihan mengajar), menurut persepsi guru-guru pelatih Fakulti Pendidikan KUIS. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen pemerolehan data. Seramai 30 orang responden telah dipilih secara rawak dalam kalangan guru-guru pelatih melalui pengajian sepenuh masa. Data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (version 22.0) bagi mendapatkan frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai bagi setiap item. Dalam objektif kajian adalah untuk mengenalpasti tahap kesesuaian matlamat dan hasil pembelajaran kursus praktikum (latihan mengajar) menurut persepsi guru-guru pelatih Fakulti Pendidikan KUIS. Hasil kajian secara keseluruhan menunjukkan bahawa tahap kesesuaian matlamat dan hasil pembelajaran kursus praktikum (latihan mengajar) kendalian Fakulti Pendidikan KUIS menurut persepsi guru-guru pelatih Fakulti Pendidikan KUIS adalah tinggi iaitu ( $\text{min}=4.40$ ,  $\text{sp}=0.63$ ). Hasil dapatan kajian diharap dapat membantu pihak Fakulti Pendidikan untuk menambahbaik kurikulum sedia ada dan program-program baru yang akan datang.

Kata Kunci: Praktikum, Guru Pelatih

### **PENGENALAN**

Konsep pendidikan di Malaysia bermatlamat memajukan aspek-aspek pembangunan bangsa dan negara meliputi kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik. Kemajuan dalam semua aspek ini bertujuan mempercepat serta memperkuuh cita-cita ke arah memajukan perpaduan negara. Kemajuan ini bertujuan melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih selaras dengan tujuan pembangunan manusia. Pendidikan merupakan suatu usaha yang berterusan untuk memperkembangkan potensi manusia secara menyeluruh terhadap aspek-

aspek rohani, aqli dan jasmani melalui aktiviti-aktiviti yang saling berkaitan iaitu pengajaran dan pembelajaran. Proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan beberapa komponen iaitu guru, murid, objektif pembelajaran, isi pelajaran, kaedah pengajaran, media dan penilaian.

Tujuan pembelajaran yang diinginkan seharusnya mencapai tahap yang optimum dan perlu beberapa perkara diperhatikan oleh guru iaitu matlamat dan hasil pembelajaran, aspek pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran serta penilaian pengajaran. Keberhasilan proses pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada cara guru mengajar. Guru semestinya mampu menyesuaikan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran supaya objektif dan matlamat pengajaran dapat dicapai. (Wan Zah Wan Ali 2000) Manakala latihan mengajar merupakan salah satu komponen kurikulum yang penting untuk melengkapkan keilmuan seseorang guru pelatih sebelum mereka ditempatkan menjadi guru sebenar dalam sistem pendidikan. Ini bermakna segala ilmu pedagogi dan amalan yang dipelajari akan diaplikasikan terlebih dahulu sebelum mereka menjadi guru yang sebenar. Latihan mengajar adalah satu komponen yang sangat penting dalam sesuatu program latihan guru (Abdul Raof dan T. Subahan 1991). Melalui latihan mengajar guru pelatih akan dapat menunjuk dan mengamalkan tingkah laku yang diinginkan untuk mengajar secara berkesan serta cuba menggunakan segala teori yang telah dipelajari semasa mengikuti kursus pendidikan. Selain itu, guru pelatih boleh mengembangkan kecekapan dan kemahiran mengajar dengan mencuba pelbagai pendekatan dan teknik pengajaran dalam pelbagai situasi pengajaran. Semasa pengajaran berlaku, guru pelatih seharusnya meneroka dan mempraktikkan ilmu pengetahuan untuk merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Keadaan ini membolehkan guru pelatih menyepadukan teori dan amalan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bersesuaian dengan konsep 5M (*mudarris, mu'allim, murabbi, muaddib dan mursyid*). (Kamarul Azmi Jasmi et. al 2007).

## **PENYATAAN MASALAH**

Fakulti Pendidikan KUIS ditubuhkan pada 1 April 2008. Sejarah penubuhannya bermula daripada surat hasrat yang dikemukakan oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pada akhir tahun 2007 kepada pihak KUIS supaya dapat melatih guru-guru di bawah pentadbirannya supaya mendapat ikhtisas keguruan. Surat hasrat tersebut dikemukakan kerana keperluan yang tinggi pada ketika itu kerana jumlah guru Sekolah Rendah Agama (SRA) dan guru Kelas Asas Fardu Ain (KAFA) di Selangor berjumlah lebih kurang 5000 orang yang belum mempunyai ikhtisas keguruan. Penubuhan fakulti ini juga dapat meneruskan kesinambungan Diploma Pendidikan yang pernah dilaksanakan pada tahun 1995 sehingga 2002. Penamatan program Diploma Perguruan selepas itu kerana dasar kerajaan Malaysia supaya semua latihan perguruan di pusatkan di Maktab-maktab Perguruan seluruh Malaysia.

Kini, Fakulti Pendidikan KUIS menawarkan tiga program diploma iaitu Diploma Perguruan (Pendidikan Islam), Diploma Perguruan TASL (Teaching Arabic as a second Language) dan Diploma Perguruan TESL (Teaching English as a Second Language). Kaedah pengendalian program ini adalah secara sepenuh masa dan separuh masa. Ketiga-tiga program ini telah mendapat Perakuan Akreditasi penuh MQA daripada Agensi Kelayakan Malaysia pada 23 September 2010. Setelah mendapat Perakuan Akreditasi penuh MQA, pihak Fakulti Pendidikan KUIS telah membuat pemurnian silibus dan kurikulum berdasarkan maklumbalas MQA yang diterima. Para graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian selepas pemurnian kurikulum dan silibus tersebut berjumlah 1,551 orang.

Menurut Ramlah (2001) isu kepentingan latihan mengajar sememangnya diakui ramai penyelidik dan ahli akademik. Mengikut Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia (2005), prestasi guru pelatih adalah ditahap kurang memuaskan. Manakala menurut Baharin Abu (2006), tahap kesediaan, minat dan sikap, pengetahuan dan kemahiran guru pelatih masih rendah. Selain itu, peranan yang dimainkan oleh guru pembimbing dalam program latihan mengajar amat besar dan penting kerana pengaruh mereka yang kuat terhadap guru pelatih. Mereka dianggap pakar oleh guru pelatih dan menjadi role model dalam pembentukan personaliti guru pelatih sebagai guru (Jamaluddin et. al:2006).

Berdasarkan penelitian pengkaji, mendapati masih tiada kajian berkaitan tajuk kajian ini dan adalah wajar dilaksanakan kajian berkaitan kursus latihan mengajar (praktikum) Program Diploma Perguruan (TASL), Diploma Perguruan (TESL) dan Diploma Perguruan Pendidikan Islam Fakulti Pendidikan KUIS. Realitinya, pemahaman yang jelas tentang matlamat dan hasil pembelajaran kursus Praktikum perlu dicapai oleh guru-guru pelatih. Sehubungan itu, kajian tinjauan perlu dilaksanakan untuk mengenalpasti beberapa kelemahan yang wujud dalam penghasilan matlamat dan hasil pembelajaran kursus tersebut dan meningkatkan kualiti pengajaran guru-guru pelatih Fakulti Pendidikan KUIS agar cadangan penampaikan yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran dapat dikemukakan bagi tindakan semua yang terlibat dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Pemilihan objektif kajian ini yang berkaitan dengan tajuk "*Tahap Kesesuaian Matlamat dan Hasil Pembelajaran Kursus Praktikum (Latihan Mengajar) Kendalian Fakulti Pendidikan KUIS Menurut Persepsi Guru-guru Pelatih Fakulti Pendidikan KUIS: Satu Tinjauan Awal*" adalah seperti berikut:

- i. Meninjau persepsi guru pelatih terhadap kesesuaian matlamat dan hasil pembelajaran kursus Praktikum Fakulti Pendidikan KUIS.
- ii. Menganalisis daptan awal berkaitan tahap kesesuaian matlamat dan hasil pembelajaran kursus Praktikum kendalian Fakulti Pendidikan KUIS.
- iii. Menilai sejauhmana kesesuaian matlamat dan hasil pembelajaran kursus Praktikum Fakulti Pendidikan KUIS dapat membantu guru pelatih menguasai ilmu, kemahiran dan profesionalisme keguruannya.

## **BATASAN KAJIAN**

Tumpuan kajian ini adalah untuk mengkaji tahap kesesuaian matlamat dan hasil pembelajaran kursus Praktikum kendalian Fakulti Pendidikan KUIS. Guru pelatih yang terlibat ialah yang mengikuti pengajian secara sepenuh masa. Kajian ini tidak mengkaji matlamat dan hasil pembelajaran kursus Praktikum kendalian Institut Perguruan Malaysia dan tempat-tempat lain yang menawarkan program Diploma dan Ijazah Pendidikan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Rekabentuk Kajian**

Kajian ini merupakan satu kajian berbentuk deskriptif iaitu ianya dijalankan untuk mengenal pasti sejauhmanakah tahap kesesuaian program yang diambil di Fakulti Pendidikan dalam

memenuhi keperluan sebagai seorang guru. Data-data kajian dikumpul menggunakan kaedah soal selidik. Kaedah ini digunakan kerana ianya sesuai digunakan bagi mengetahui sikap seseorang. (Mohamad Najib, 2003). Sampel kajian ini terdiri daripada para pelajar Fakulti Pendidikan KUIS iaitu para pelajar daripada Diploma Perguruan (TASL) dan Diploma Perguruan (TESL) yang telah mengikuti kursus latihan mengajar. Borang soal selidik ini akan diedarkan kepada responden secara terus. Semua maklumat yang telah diperolehi daripada soal selidik yang dijalankan dianalisa dengan menggunakan *Statistical Package For Science Social (SPSS 22.0)*. Data kajian ini telah diproses dan dianalisis menggunakan teknik analisa deskriptif min dan sisihan piawai bagi mendapatkan keputusan kajian.

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi akan menentukan bidang masalah yang perlu dikaji bagi mendapatkan maklumat dan data. Seterusnya maklumat tersebut dikumpul dan dianalisis. Di samping itu, populasi juga menentukan masa tenaga dan perbelanjaan yang perlu digunakan dalam menjalankan penyelidikan. Kajian ini adalah kajian rintis iaitu jumlah populasi pelajar adalah terdiri 30 orang daripada para pelajar sepenuh masa yang mewakili pelajar Diploma Perguruan TESL dan TASL yang telah menjalani latihan praktikum bermula daripada bulan Januari sehingga Mac 2014. Populasi merangkumi semua ahli yang terdapat dalam anggota populasi, manakala sampel ialah ahli-ahli kumpulan yang dipilih daripada populasi untuk mengkaji sifat dan parameter populasi.

### **Instrumen Kajian**

Jenis instrumen yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada soal selidik yang diadaptasi daripada model penilaian (CIPP) Stufflebeam, D.L. (2000). Faktor penyelidik memilih menggunakan soal selidik adalah bagi mengumpulkan maklumat daripada responden. Manakala cadangan jawapan yang dikemukakan juga memudahkan responden menjawab dengan cepat (Mohamad Najib 1999). Pecahan dan bilangan soalan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam lampiran 1.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Dapatan Kajian Rintis Instrumen**

Kajian ini merupakan kajian rintis yang melibatkan 30 orang guru pelatih Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Hasil analisis yang dilakukan mendapati nilai pekali alpha bagi tahap kebolehpercayaan borang soal selidik yang digunakan adalah tinggi melebihi 0.61.

Jadual 2: Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan

<b>Indikator</b>	<b>Nilai Alpha Cronbach</b>
Sangat Tinggi	>0.90
Tinggi	0.70 – 0.89
Sederhana	0.30 – 0.68
Rendah	0.30

**Jadual 2: Nilai pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach Instrumen Latihan Mengajar Guru**

Bahagian BA	Bilangan Item	Nilai Alpha
Penilaian Konteks	8	0.748
Bahagian B	Bilangan Item	Nilai Alpha
Penilaian Input	12	0.670
Bahagian C	Bilangan Item	Nilai Alpha
Penilaian Proses	18	0.750
Bahagian D	Bilangan Item	Nilai Alpha
Penilaian Produk	24	0.867

Hasil analisis kebolehpercayaan alpha cronbach mendapati penilaian konteks berada pada nilai alpha 0.758 (Tinggi), penilaian input berada pada nilai alpha 0.670 (Tinggi), penilaian proses berada pada nilai alpha 0.750 (Tinggi) dan penilaian produk berada pada nilai alpha 0.867 (Tinggi). Nilai keseluruhan nilai alpha cronbach berada pada tahap sangat tinggi iaitu 0.90.

Reka bentuk kajian ini bersifat kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan (*survey*). Instrumen yang digunakan ialah satu set soal selidik yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A: latar belakang responden. Bahagian B terbahagi kepada kepada empat bahagian iaitu a) Penilaian Konteks b) Penilaian Input c) Penilaian Proses d) Penilaian Produk. Rekabentuk kajian ini bersifat kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan (*survey*). Soal selidik ini dibina berdasarkan skala *Likert* 1 hingga 5 yang telah dikategorikan dan diinterpretasikan kepada empat tahap seperti dalam jadual di bawah:

**Jadual 2 : Interpretasi skor purata (Skala Likert 5)**

Skor purata	Interpretasi
1.0 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Azhar Ahmad (2006) dan Ahmad Munawwar (2009)

### **Profil Responden Kajian Rintis Latihan Mengajar Guru**

Instrumen kajian telah diedarkan kepada guru-guru pelatih Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa yang terdiri 15 orang responden (50%) adalah lelaki dan 15 orang responden (50%) adalah perempuan. Seramai 29 orang (96.7%) responden berumur kurang daripada 25 tahun dan seorang responden (3.3%) berumur antara 25 tahun – 35 tahun. Tidak terdapat responden yang berumur 36 hingga 45 tahun. Dari segi program pengajian mendapati 12 orang responden (40.0%) daripada program Diploma Perguruan TESL berbanding 18 orang responden (60.9%) adalah daripada program Diploma Perguruan TASL. Tidak terdapat responden daripada guru pelatih daripada Diploma Perguruan pendidikan Islam (PI). Seramai 23 orang responden (76.7%) mempunyai taraf pendidikan pada peringkat SPM, dua orang

responden (6.7%) mempunyai taraf pendidikan pada peringkat STPM/STAM, manakala 5 orang responden (16.7%) mempunyai taraf pendidikan di peringkat Diploma. Seramai dua orang responden (6.7%) mempunyai pencapaian HPNG antara 2.00 – 2.50, 14 orang responden (46.7%) mempunyai pencapaian HPNG antara 2.51 – 3.00, 13 orang responden (43.3%) mempunyai pencapaian HPNG antara 3.01 – 3.50 dan hanya 1 orang responden mencapai HPNG antara 3.51 – 4.00. Seramai 13 orang responden (43.3%) pernah mengulangi kursus, manakala 17 orang responden (56.7%) tidak pernah mengulangi kursus semasa dalam pengajian. Pembiayaan pengajian yang terakhir mencatatkan seramai 17 orang responden (56.7%) dibiayai oleh PTPTN, seramai 8 orang responden (26.7%) ditanggung secara sendiri, manakala seramai 5 orang responden (16.7%) mendapat tajaan lain seperti MARA dan bantuan pendidikan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Selangor.

Jadual 4: Maklumat Profil Responden Guru Pelatih dalam Kajian Rintis

Profil	Kategori	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	15	50
	Perempuan	15	50
Umur	Kurang dari 25 Tahun	29	96.7
	25 - 35 tahun	1	3.3
	36 - 45 tahun	-	-
Program	Diploma Perguruan (TASL)	18	60
	Diploma Perguruan (TESL)	12	40
	Diploma Perguruan (PI)	-	-
Taraf Pendidikan	SPM	23	76.7
	STPM	2	6.7
	Diploma	5	16.7
Pencapaian HPNG	2.00 - 2.50	2	6.7
	2.51 - 3.00	14	46.7
	3.01 - 3.50	13	43.3
	3.51 - 4.00	1	3.3
Pernah Mengulang Kursus/ Semester Pengajian	Ya	13	43.3
	Tidak	17	56.7
Pembiayaan Pengajian Terakhir	PTPTN	17	56.7
	Sendiri	8	26.7
	Lain-Lain	5	16.7

Sub tajuk kajian ini hanya memfokuskan kepada satu konstrak sahaja iaitu penilaian konteks kesesuaian matlamat dan hasil pembelajaran praktikum yang mengandungi empat item. Jadual di bawah menunjukkan dapatan kajian tersebut.

Jadual 5: Analisis deskriptif Penilaian Konteks Kesesuaian Matlamat dan Hasil Pembelajaran Praktikum/Program

Kod	Item	Min	Sp.	Interpretasi
BA01	Matlamat program perguruan adalah untuk mempraktikkan peranan guru sebagai Mu'allim, Murabbi, Mudarris, Muaddib, Mubaligh dan Mursyid.	4.53	0.73	Tinggi
BA02	Matlamat praktikum ialah guru pelatih dapat mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai keguruan secara reflektif dalam situasi sebenar bilik darjah.	4.60	0.49	Tinggi
BA03	Matlamat praktikum sesuai dengan keperluan Diploma Perguruan di Fakulti Pendidikan, KUIS.	4.30	0.65	Tinggi
BA04	Matlamat praktikum sesuai dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.	4.17	0.65	Tinggi
Jumlah		4.40	0.63	Tinggi

Dapatan dalam jadual di atas menunjukkan nilai min keseluruhan bagi elemen kesesuaian Matlamat dan Hasil Pembelajaran Praktikum/Program berada pada tahap yang tinggi iaitu ( $\text{min}=4.40$ ,  $\text{sp}=0.63$ ). Secara keseluruhannya empat item berada pada tahap tinggi.

## PERBINCANGAN

Keputusan kajian mendapati bahawa pada umumnya dapatan kajian menunjukkan nilai min keseluruhan bagi elemen kerelevan matlamat dan hasil pembelajaran praktikum/program berada pada tahap yang tinggi iaitu ( $\text{min}=4.40$ ,  $\text{sp}=0.63$ ). Secara keseluruhannya empat item berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa tahap penerimaan responden dari aspek kerelevan matlamat dan hasil pembelajaran praktikum/program adalah sangat baik. Melihat kepada item matlamat program perguruan adalah untuk mempraktikkan peranan guru sebagai *mu'allim, murabbi, mudarris, muaddib, mubaligh* dan *mursyid* berada pada tahap yang tinggi iaitu ( $\text{min}=4.53$ ,  $\text{sp}=0.73$ ). Responden bersetuju dengan item ini kerana pada pandangan mereka inilah matlamat akhir profesional keguruan yang ingin mereka capai. Menurut Ab. Halim dan Nik Mohd Rahimi (2010), tugas guru mengikut perspektif Islam merangkumi tanggungjawab yang sangat luas dalam pembangunan akhlak dan diri manusia iaitu sebagai *murabbi, muaddib* bukan semata-mata seorang *mu'allim*. Secara amalan dan sirah Nabawiyah, tugas guru perlu dikaitkan dengan tugas sebagai pendakwah dan dengan erti kata lain seorang guru pendidikan Islam adalah seorang *da'i*. Makanya tugas penting mereka ialah memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang ajaran Islam dan pelaksanaannya dalam kehidupan seharian, khususnya dalam kalangan para pelajar mereka. Justeru itu, proses pembangunan guru dapat direalisasikan melalui pembangunan amalan pengajaran guru berteraskan konsep "5 . ۝". Terdapat sekurang-kurangnya lima domain yang menjadi ciri Guru Pendidikan Islam (GPI)

yang cemerlang iaitu *mudarris*, *muaddib*, *murabbi*, *mursyid* dan *mu'allim* (Kamarul Azmi dan Ab. Halim 2010) Berikut adalah huraian ringkas definisi domain-domain tersebut:

- a. *Mudarris* adalah konsep yang diasaskan kepada guru cemerlang yang berkesan. Umumnya, ia dinilai daripada lima aspek utama iaitu ciri-ciri peribadi yang dimiliki, kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan, kejayaan mewujudkan iklim dan personaliti bilik darjah yang baik, mempunyai kepakaran, kecekapan dan kemampuan membuat keputusan profesional.
- b. *Muaddib* merujuk kepada peranan guru dalam bilik darjah untuk mengasuh, mendidik, membentuk, membimbang, menanam, menyuci, menyuburkan akhlak mulia, disiplin, tingkahlaku, sahsiah dan seluruh adab sopan dalam pembinaan dan pembangunan diri para pelajarnya. Proses *ta'dib* bersumberkan wahyu Allah SWT. Manakala nilai *ta'dib* adalah bersifat mutlak, kekal abadi dan suci serta diasaskan kepada keimanan yang kukuh kepada Allah SWT.
- c. *Murabbi* merujuk kepada peranan guru di dalam bilik darjah yang seiring dengan dasar pendemokrasian pendidikan untuk membina akal budi, membangun jatidiri dan integriti, memacu minda, mencurahkan kasih sayang, menyubur dan memelihara fitrah para pelajar serta memupuk bakat dan kebolehan yang wujud dalam diri mereka secara beransur-ansur agar dapat berkembang dengan baik selaras dengan kematangan yang dilalui oleh para pelajar tersebut. Guru berperanan merealisasikan pembentukan dan pembangunan para pelajar dari pelbagai aspek (jasmani, rohani, emosi dan intelektual) agar dapat melahirkan insan soleh yang berakhhlak mulia menurut kaca mata Islam.
- d. *Mu'allim* merujuk kepada peranan guru di dalam bilik darjah untuk memberitahu, mengajar, memindah dan menyampaikan pelbagai jenis maklumat, disiplin dan ilmu pengetahuan kepada para pelajar sama ada melalui syarahan, latihan, amali, latih-tubi, arahan atau sebarang bentuk pengajaran yang dirancang. Proses *ta'lim* merangkumi juga adab berilmu yang akan mencorak dan mewarnai pembentukan dan pembangunan diri para pelajar sebagai insan soleh.
- e. *Mursyid* merujuk kepada aspek kepimpinan guru dalam bilik kuliah untuk menjaga, menasihati, mengarah, membimbang, dan memberi petunjuk kepada para pelajar ke arah pembentukkan dan pembangunan diri (jasmani, emosi, rohani dan intelek) sebagai insan soleh. Konsep *irsyad* lebih memfokuskan konsep kepimpinan Rasulullah SAW dalam proses mendidik dan membimbang para sahabat.

Hasil pembelajaran yang paling utama yang ingin dicapai dalam pelaksanaan pendidikan Islam ialah para pelajar dapat menguasai dan menghayati ilmu yang dipelajari oleh mereka. Pelaksanaan sistem pendidikan dan proses pembinaan kurikulumnya tidak lengkap dan sempurna boleh menghalang para pelajar dan guru mencapai objektif pengajarannya. Maka, kurikulum yang lengkap dan disokong pula dengan kaedah pengajaran yang sempurna akan memantapkan lagi proses P&P seterusnya menyokong ketokohan serta keperibadian seseorang guru tersebut. Secara keseluruhannya adab, akhlak dan keperibadian guru dalam Islam boleh dikategorikan kepada penampilan dan keperibadiannya terhadap para pelajarnya.(Kamarul Azmi et.al 2009)

Matlamat praktikum ialah guru pelatih dapat mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai keguruan secara reflektif dalam situasi sebenar bilik darjah berdasarkan persepsi guru pelatih mendapat skor min yang tertinggi iaitu 4.60. Pada item ini responden sangat bersetuju kerana dapat mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai keguruan dalam situasi sebenar berdasarkan tempoh yang telah ditentukan. Amalan pelaksanaan kursus ini di Fakulti

Pendidikan dari sudut tempoh bagi program Diploma Perguruan (TASL), Diploma Perguruan (TESL) dan Diploma Perguruan Pendidikan Islam Fakulti Pendidikan KUIS ialah 12 minggu. Bilangan waktu mengajar ialah 10 – 12 waktu seminggu. Kaedah penyeliaannya hendaklah berasaskan pencerapan klinikal. Pra penyeliaan perlulah dibuat pada peringkat awal praktikum. Bilangan penyeliaan pensyarah pembimbing dengan guru pelatih adalah sebanyak 2 kali dalam tempoh 12 minggu praktikum. Manakala penyeliaan bersama guru pembimbing adalah sebanyak 3 kali dalam tempoh 12 minggu tersebut. Bimbingan berterusan perlu dibuat dari semasa ke semasa sepanjang tempoh praktikum dan penilaian keseluruhan hanya dibuat selepas proses bimbingan diberikan. Penyeliaan bersama antara pensyarah pembimbing dan guru pembimbing mesti dijalankan untuk penyelarasan markah. (Buku Panduan Latihan Mengajar Fakulti Pendidikan KUIS :2011):

Berdasarkan amalan latihan mengajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ialah guru pelatih hendaklah mengikuti dan menamatkan latihan mengajar mengikut tempoh yang ditentukan oleh pihak UPSI. Waktu pengajaran yang diperuntukkan kepada guru pelatih ialah 10 – 12 waktu seminggu.(Buku Panduan Latihan Mengajar UPSI: 2010). Manakala amalan latihan mengajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) ialah penyeliaan hendaklah berasaskan kepada prinsip dan kaedah penyeliaan klinikal dan hanya dibuat selepas bimbingan diberikan. Bilangan penyeliaan minimum yang dicadangkan ialah pensyarah penyelia sebanyak 3 kali dan guru pembimbing sebanyak 5 kali. Pihak UTHM berhak menentukan bilangan penyeliaan yang wajar mengikut struktur kursus di UTHM. Penilaian bersama antara Penilai Kedua dan Guru Pembimbing perlu bagi kes-kes khas (cemerlang atau gagal).(Buku Panduan Latihan Mengajar UTHM :2012) Kesimpulannya amalan latihan mengajar yang dilaksanakan antara Fakulti Pendidikan KUIS dengan UPSI dan UTHM mempunyai persamaan yang ketara yang boleh dijadikan atas rujukan.

Seterusnya matlamat praktikum sesuai dengan keperluan Diploma Perguruan di Fakulti Pendidikan, KUIS mendapat skor min yang tinggi iaitu 4.30. Responden sangat bersetuju bahawa matlamat praktikum adalah sesuai dengan keperluan Diploma Perguruan di Fakulti Pendidikan KUIS. Matlamat praktikum adalah seperti berikut:

- i. Menyepadukan teori dan amali pengajaran dan pembelajaran.
- ii. Mengaplikasikan pelbagai strategi dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran.
- iii. Merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berpasangan dan individu dengan bimbingan pensyarah dan guru pembimbing.
- iv. Memupuk sikap positif, meningkatkan jati diri serta menghayati dan mengamalkan nilai profesi keguruan.
- v. Mengenalpasti dan menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran.
- vi. Memperkembangkan potensi diri sebagai pendidik melalui pembinaan portfolio dengan mengamalkan refleksi dan penilaian kendiri dalam semua aspek tugas.
- vii. Mengoptimumkan kegunaan sumber teknologi dalam pembestarian proses pengajaran dan pembelajaran.
- viii. Mengusai pelbagai strategi, perancangan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum.
- ix. Memupuk semangat berdaya saing dan pengurusan yang efisyen.

Matlamat praktikum sesuai dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan juga mendapat skor min yang tinggi iaitu 4.17. Responden bersetuju bahawa FPK mempunyai perkaitan rapat dengan matlamat praktikum. Hubungan sikap keguruan dengan peningkatan taraf profesionalisme

keguruan bermula dengan penghayatan yang mendalam tentang Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). FPK telah menentukan arah haluan, asas dan sumber inspirasi kepada semua usaha dan rancangan dalam bidang pendidikan. Berpandukan kepada pernyataan FPK, adalah difahamkan bahawa pendidikan di Malaysia merupakan suatu usaha mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada, demi mewujudkan insan harmonis dan seimbang berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Matlamat pendidikan ialah melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, berupaya mencapai kesejahteraan dan memberi sumbangan untuk keharmonian dan kemakmuran negara. FPK berteraskan Islam adalah usaha mendidik dan melahirkan insan yang percaya dan patuh kepada Tuhan (Allah) yang menjadi teras FPK. Matlamat pendidikan Islam juga ke arah melahirkan insan kamil yang seimbang dari sudut jasmani, emosi, rohani dan akal. FPK mendukung cita-cita pendidikan seumur hidup. Usaha mengembangkan potensi individu tidak terbatas dalam bilik darjah sahaja tetapi berlaku di luar kelas dan dalam kalangan masyarakat. Pendidikan Islam menyokong cita-cita pembangunan insan yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berakhhlak mulia, memerlukan kurikulum pendidikan yang mengimbangi antara ilmu, keimanan dan kemahiran. (Ahmad Mohd Salleh : 2011)

Justeru itu, untuk merealisasikan hasrat dan gagasan tersebut perlu dilihat kesediaan para guru melaksanakan tanggungjawabnya dalam mendidik anak bangsa seiring dengan wawasan yang dicanangkan dalam FPK. Perkara ini berkaitan juga dengan Falsafah Pendidikan Guru (FPG). Berdasarkan FPG, matlamat pendidikan guru ialah menghasilkan guru yang berkualiti dari segi peribadi, profesional, sosial dan amalan tingkahlaku, menguasai kemahiran dan amalan nilai-nilai keguruan serta berupaya mencapai kecemerlangan pendidikan untuk pengisian tuntutan wawasan pendidikan abad ke -21. (Mok Soon Sang :2006) Oleh itu, jelas dilihat bahawa FPK dan FPG saling berkaitan yang boleh dijadikan garis panduan secara holistik bagi tujuan melahirkan generasi *ulu al-albab* atau insan adabi. Konsep insan adabi telah dijelaskan oleh Al-Attas iaitu; (Wan Mohd Nor Wan Daud :2005)

“Orang baik adalah orang yang insaf sepenuhnya tanggungjawab dirinya kepada Tuhan Yang Hak; yang memahami dan menyelenggarakan penunaian keadilan terhadap dirinya dan diri-diri lain dalam masyarakatnya; yang terus berupaya meningkatkan setiap aspek dalam dirinya menuju kesempurnaan sebagai insan adabi.”

## KESIMPULAN

Penilaian terhadap kesesuaian matlamat dan hasil pembelajaran praktikum atau latihan mengajar berdasarkan persepsi guru-guru pelatih Diploma Perguruan Fakulti Pendidikan KUIS berada di tahap yang tinggi. Berdasarkan persepsi mereka, latihan mengajar ini dapat mereka dapat mempraktikkan peranan guru sebagai *mu'allim, murabbi, mudarris, muaddib, mubaligh* dan *mursyid*. Menurut mereka lagi, mereka dapat mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai keguruan secara reflektif dalam situasi sebenar bilik darjah. Penerimaan guru pelatih pada item ini adalah sangat tinggi. Persepsi guru pelatih bahawa matlamat praktikum sesuai dengan keperluan Diploma Perguruan di Fakulti Pendidikan, KUIS dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah tinggi. Bagi merealisasikan keperluan Diploma Perguruan Fakulti Pendidikan KUIS dan hasrat FPK semua guru muslim khususnya dan guru bukan muslim amnya perlu memahami dan menghayati setiap komponen yang dicadangkan dalam formula 5 .<sup>5</sup>Sahsiah atau personaliti guru yang baik akan membawa impak yang besar kepada pembentukan intelektual yang berkemahiran (*soft skill*), bijak, dinamik, progresif, inovatif dan

seimbang dari sudut intelektual, fizikal dan spiritualnya. Sekaligus melahirkan *muttaqi* kelas pertama yang terbangun akal budinya, berintegriti dan mempunyai jati diri yang kental dan mantap. Oleh itu jelaslah bahawa sifat dan kualiti guru dari sudut peribadi, sosial dan profesional merupakan asas untuk menjadi seorang guru yang berkesan dan berwawasan dalam profesiannya. Sifat-sifat tersebut perlu disemai dan dipupuk dari semasa ke semasa melalui medannya iaitu guru sebagai *mudarris, muaddib, murabbi, mu'allim* dan *mursyid*. Pemahaman yang jelas tentang konsep ini akan memandu para guru menyalurkan ilmu (*knowledge*) yang dimilikinya kepada pelajarnya dan sebagai wadah untuk pembangunan insan berkualiti (*human capital development*). (Tajul Ariffin Noordin et.al 2002: 108)

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri dan Nik Rahimi Nik Yusoff (pytn), 2010. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi : Penerbit UKM.
- Abdul Raof Dalip & T. Subahan Mohd. Meerah. 1991. *Isu-Isu Latihan Mengajar*. Petaling Jaya : Penerbit Fakar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad Mohd Salleh 2011. *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam KPLI Pengajian Islam & j-QAF*. Edisi 2. Shah Alam : Oxford Fajar.
- Baharin Abu.2006. *Tahap Kesediaan Pedagogi Guru Pelatih Fakulti Pendidikan, UTM dalam Latihan Mengajar*. Kertas Kerja Dibentang Dalam Kolokium Fakulti Pendidikan. Skudai:UTM.
- Daniel L. Stufflebeam.2002. CIPP Evaluation Model.NYLC Resource Centre.
- Fakulti Pendidikan KUIS 2011, *Buku Panduan Rancangan Orientasi Sekolah (ROS) dan Praktikum*. Bangi : KUIS.
- Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokaional 2012, *Panduan Latihan Mengajar (Program Pengajian Pendidikan dan Sarjana Muda Pendidikan)*. Johor : UTHM.
- Bahagian Pembangunan Akademik dan Kualiti 2010, *Buku Panduan Latihan Mengajar UPSI*. Tanjung Malim : UPSI.
- Jamaluddin Ramli et.al.2006.*Bimbangan Guru Pembimbing Terhadap Guru Pelatih Dalam Latihan Mengajar*. Skudai :UTM
- Kamarul Azmi Jasmi et. al. 2007. *Pendidikan Islam : Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*, Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2010. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM
- Kementerian Pengajian Malaysia & Kementerian Pelajaran Malaysia.2005.*Penilaian Latihan Mengajar Dalam Program Pendidikan Guru di Malaysia*. Pulau Pinang:Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru (JPPG) Malaysia, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Mok Soon Sang (2006), *Ilmu Pendidikan Untuk KPLI (Komponen 3:Profesionalisme Keguruan)*, Subang Jaya : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mohd Najib Abdul Ghafar 2003. *Rekabentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Edisi Pertama. Johor : Penerbit UTM
- Ramlah et.al.2001.*Penyediaan Guru Dalam Bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional*. Kertas kerja dibentang dalam International Conference On Challenges and Prospects In Teacher Education, Concorde Hotel Shah Alam.
- Tajul Ariffin Noordin et.al (2002), Pendidikan dan Pembangunan Manusia : Pendekatan Bersepadu, Bangi : As-Syabab Media.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud 2005. *Falsafah dan amalan pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas : satu huraian konsep asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Wan Zah Wan Ali. 2000. *Memahami Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distribution Sdn. Bhd.